Takaful dengan menghantar notis empat belas (14) hari melalui surat berdaftar kepada Peserta di alamat terakhir yang diketahui, dalam hal ini Pengendali Takaful hendaklah bertanggungjawab untuk memulangkan apabila dituntut suatu perkadaran setimpal caruman bagi tempoh yang masih belum tamat dari tarikh pembatalan. Amaun yang akan dikembalikan atas penamatan sijil hendaklah tertakluk kepada caruman minimum yang akan dikekalkan oleh Pengendali Takaful.

**5. PERUBAHAN RISIKO**

Di bawah mana-mana keadaan yang berikut Takaful terhenti diguna pakai berhubung dengan harta yang berkenaan kecuali sebelum berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan Peserta telah mendapatkan kebenaran Pengendali Takaful yang dibuktikan dengan pengendorsan ke atas Sijil tersebut oleh atau bagi pihak Pengendali Takaful :

(a) Jika perniagaan atau perusahaan yang dijalankan diubah, atau jika bentuk penghunian atau hal keadaan lain yang mempengaruhi bangunan Peserta atau yang mengandungi harta Peserta ditukar sedemikian rupa menyebabkan meningkatnya risiko kerugian atau kerosakan oleh kebakaran.

(b) Jika bangunan Peserta atau yang mengandungi harta Peserta tidak dihuni dan berkekalan sedemikian melebihi tiga puluh (30) hari.

(c) Jika harta Peserta dipindahkan ke mana-mana bangunan atau tempat selain daripada tempat yang dinyatakan di sini sebagaimana Peserta.

(d) Jika kepentingan ke atas harta Peserta dipindah daripada Peserta melainkan dengan wasiat atau kuatkuasa undang-undang.

(e) Jika notis untuk keluar telah dikeluarkan dengan perintah Pihak Berkuasa tempatan bagi rekuisisi atau pengambilan tanah yang di atasnya terletak harta Peserta.

**6. TATACARA TUNTUTAN**

Apabila berlakunya sebarang kerugian atau kerosakan, Peserta hendaklah dengan serta merta memberi notis kepada Pengendali Takaful dan hendaklah dalam masa lima belas (15) hari selepas kerugian atau kerosakan tersebut, atau lanjutan masa tertentu yang dibenarkan oleh Pengendali Takaful secara bertulis, menyerahkan kepada Pengendali Takaful:

(a) Tuntutan secara bertulis bagi kerugian dan kerosakan yang mengandungi butir-butir lengkap seberapa yang boleh semua barang-barang yang rosak atau harta benda yang musnah, dan amaun kerugian atau kerosakan, dengan mengambil kira nilai semasa kerugian atau kerosakan tersebut, tidak termasuk apa-apa jenis keuntungan.

(b) Butir-butir tentang semua Takaful lain, jika ada.

Peserta hendaklah juga pada setiap masa atas perbelanjaannya sendiri mengemukakan, mendapatkan dan memberikan kepada Pengendali Takaful selanjutnya semua butiran, pelan, spesifikasi, buku, baucer, invois, pendua atau salinannya, dokumen, bukti dan maklumat berhubung dengan tuntutan serta punca dan sebab kebakaran tersebut dan keadaan bagaimana kerugian atau kerosakan itu berlaku, dan apa-apa perkara yang menyentuh liabiliti atau amaun liabiliti Pengendali Takaful sebagaimana yang mungkin dikehendaki secara munasabah oleh atau bagi pihak Pengendali Takaful berserta dengan suatu perisytiharan secara bersumpah atau dalam bentuk perundangan tentang kebenaran tuntutan tersebut dan tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengannya. Tiada tuntutan di bawah Sijil ini akan dibayar kecuali terma kepada Syarat ini telah dipatuhi.

**7. HAK PENGENDALI TAKAFUL**

Apabila berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan kepada mana-mana harta Peserta oleh Polis ini, Pengendali Takaful boleh:-

(a) Memasuki, mengambil dan mengekal milik bangunan atau premis di mana kerugian atau kerosakan itu telah berlaku.

(b) Mengambil milik atau menghendaki diserahkan kepadanya mana-mana harta Peserta di dalam bangunan atau di atas premis semasa kerugian atau kerosakan itu.

(c) Mengekal milik mana-mana harta sedemikian dan memeriksa, menyusun, mengatur, memindahkan, atau selainnya begitu juga.

(d) Menjual mana-mana harta atau melupuskannya bagi akaun mereka yang berkenaan.

Kuasa yang diberikan oleh Syarat ini hendaklah digunakan oleh Pengendali Takaful pada bila-bila masa sehingga notis bertulis diberikan oleh Peserta bahawa beliau tidak membuat apa-apa tuntutan di bawah Sijil ini atau, jika apa-apa tuntutan dibuat, sehingga tuntutan sedemikian akhirnya ditentukan secara muktamad atau ditarik balik, dan Pengendali Takaful tidak boleh sama sekali melalui tindakannya dalam menjalankan atau bermaksud menjalankan kuasanya di bawah ini, menanggung apa-apa liabiliti kepada Peserta atau mengurangkan haknya untuk bergantung pada mana-mana syarat Sijil ini bagi memenuhi apa-apa tuntutan.

Jika Peserta atau mana-mana orang bagi pihaknya tidak mematuhi kehendak Pengendali Takaful atau menghalang atau menyekat Pengendali Takaful dalam menjalankan kuasanya di bawah ini, segala manfaat di bawah Sijil ini hendaklah dilucut hak.

Peserta tidak berhak dalam apa-apa keadaan untuk meninggalkan mana-mana harta kepada Pengendali Takaful sama ada telah diambil milik oleh Pengendali Takaful atau tidak.

**8. SUMBANGAN**

Jika semasa berlaku apa-apa kerugian atau kerosakan kepada mana-mana harta yang dengan ini dilindungi, terdapat apa-apa Takaful lain yang masih berkuatkuasa, sama ada dikuatkuasakan oleh Peserta atau oleh orang lain, yang melindungi harta yang sama, Pengendali Takaful ini tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar atau menyumbang lebih daripada perkadaran setimpal bagi kerugian atau kerosakan sedemikian.

**9. FASA PENGIKTIRAFAN TARIKH**

Ianya dicatatkan dan dipersetujui bahawa Sijil ini dengan ini dipinda seperti berikut:

(a) Pengendali Takaful tidak akan membayar untuk apa-apa kehilangan atau kerosakan termasuk kehilangan penggunaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, kecederaan (termasuk kecederaan tubuh badan), perbelanjaan yang ditanggung atau sebarang kerugian berturut secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terdiri daripada, atau yang timbul daripada, kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana komputer, peralatan memproses data, cip mikro media, sistem operasi, mikropemproses (cip komputer), litar bersepadu atau peranti yang serupa, atau apa-apa perisian komputer, sama ada harta Peserta atau tidak, dan sama ada pernah terjadi sebelum ini, semasa atau selepas tahun 2000 yang disebabkan oleh kegagalan atau ketidakupayaan peranti dan/atau perisian yang disenaraikan di atas untuk:

(i) mengenalpasti dengan betul mana-mana tarikh sebagai tarikh kalendar sebenar,

(ii) menangkap, menyimpan, atau mengekalkan, dan/atau memanipulasi dengan betul, mentafsir atau memproses apa-apa data atau maklumat atau perintah atau arahan sebagai kesan daripada menggunakan mana-mana tarikh selain daripada tarikh kalendar sebenar, dan/atau

(iii) menangkap, menyimpan, mengekalkan atau memproses apa-apa data dengan betul hasil daripada operasi mana-mana perintah yang telah diprogramkan ke dalam mana-mana perisian komputer, menjadi perintah yang menyebabkan kehilangan data atau ketidakupayaan untuk menangkap, menyimpan, mengekalkan atau memproses data dengan betul pada atau selepas mana-mana tarikh.

(b) Ianya difahami bahawa Pengendali Takaful tidak akan membayar untuk pembaikan atau pengubahsuaian mana-mana bahagian daripada mana-mana sistem pemprosesan data elektronik atau mana-mana bahagian daripada mana-mana peranti dan/atau perisian yang disenaraikan di atas di dalam (a).

(c) Ianya difahami bahawa Pengendali Takaful tidak akan membayar untuk apa-apa kerugian atau kerosakan termasuk kerugian penggunaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, kecederaan (termasuk kecederaan tubuh badan), perbelanjaan yang ditanggung atau apa-apa kerugian berturut secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada apa-apa nasihat, perundingan, reka bentuk, penilaian, pemeriksaan, pemasangan, penyelenggaraan, pembaikan atau pengawasan yang dilakukan oleh Peserta atau untuk Peserta atau oleh atau untuk orang lain untuk menentukan, membetulkan atau menguji, sebarang kegagalan yang mungkin berlaku atau kegagalan sebenar, kerosakan atau kekurangan yang diterangkan dalam (a) di atas.

(d) Ianya difahami bahawa Pengendali Takaful tidak akan membayar untuk apa-apa kerugian berturut hasil daripada apa-apa ketidakupayaan berterusan komputer dan peralatan yang diterangkan dalam (a) di atas untuk mengenali dengan betul mana-mana tarikh sebagai tarikh kalendar sebenar selepas kehilangan atau kerosakan harta benda telah diganti atau dibaiki.

Kehilangan atau kerosakan, kecederaan (termasuk kecederaan tubuh badan), perbelanjaan yang ditanggung atau apa-apa kerugian berturut yang disebut dalam (a), (b), (c) or (d) di atas, tidak termasuk sebarang sebab lain yang menyumbang secara serentak atau sebarang turutan lain yang sama.

Tertakluk kepada terma, pengecualian dan syarat Sijil.

**10. PENGECUALIAN**

Takaful ini tidak melindungi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau yang merupakan akibat, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana satu daripada kejadian yang berikut, iaitu:-

(a) Gempa bumi, letupan gunung berapi atau konvulsi alam semula jadi lain.
(b) Taufan, hurikan, puting beliung, siklon atau gangguan atmosfera yang lain.
(c) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara.
(d) Dahagi, rusuhan, kebangkitan tentera atau orang awam, insureksi, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa tentera, undang-undang tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekalan undang-undang tentera atau keadaan pengepungan.
(e) Sebarang tindakan keganasan

Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau sekumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.

Apa-apa kerugian atau kerosakan yang berlaku semasa wujudnya keadaan yang luar biasa (sama ada fizikal atau sebaliknya) yang disebabkan oleh atau disebabkan menerusi atau yang merupakan akibatkan, secara langsung atau tidak langsung, daripada sebarang peristiwa tersebut hendaklah dianggap sebagai kerugian atau kerosakan yang tidak dilindungi oleh Takaful ini, melainkan Peserta hendaklah membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut berlaku secara berasingan daripada kewujudan keadaan yang luar biasa tersebut.

Dalam apa-apa tindakan, guaman atau prosiding lain, apabila Pengendali Takaful mengatakan bahawa oleh sebab peruntukan syarat ini apa-apa kerugian atau kerosakan yang tidak dilindungi oleh Sijil ini, beban membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi hendaklah terletak pada Peserta.

**11. PENIPUAN**

Jika tuntutan dibuat terdapat penipuan dari mana-mana segi, atau jika sebarang perisytiharan palsu dibuat atau digunakan bagi menyokongnya, atau jika apa-apa cara atau kaedah penipuan digunakan oleh Peserta atau oleh sesiapa yang bertindak bagi pihaknya bagi mendapatkan sebarang manfaat di bawah Sijil ini; atau, jika kerugian atau kerosakan itu disebabkan oleh tindakan sengaja, atau Peserta tidak ambil peduli; atau, jika tuntutan dibuat dan ditolak dan suatu tindakan atau guaman tidak dimulakan dalam masa tiga (3) bulan selepas penolakan sedemikian, atau (dalam hal suatu Timbangtara yang mengambil tempat mengikut Syarat ke Sijil ini) dalam masa tiga (3) bulan selepas Penimbangtara atau Wasit telah memberikan award mereka, segala manfaat di bawah Sijil ini hendaklah dilucut hak.

**12. CUKAI**

Semua Caruman yang telah dibuat di bawah Sijil ini mungkin tertakluk kepada Cukai. Sekiranya Cukai dikenakan, ia akan dinyatakan di dalam invois dan Zurich General Takaful Malaysia Berhad mempunyai hak untuk menuntut atau mengutip Cukai daripada Peserta sebagai tambahan kepada Caruman dan/atau caruman yang telah dibuat di bawah Sijil ini.
Cukai bermaksud mana-mana masa sekarang atau masa hadapan, cukai secara langsung atau tidak langsung, levi atau duti, termasuk cukai penggunaan atau apa-apa cukai yang serupa, yang dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa cukai Malaysia.

13. **KENAL PASTI/ PERUBAHAN TEMPAT**

Semua Takaful di bawah Sijil ini:

(a) ke atas mana-mana bangunan atau bahagian mana-mana bangunan,
(b) ke atas mana-mana harta yang terkandung di dalam mana-mana bangunan,
(c) ke atas sewa atau perkara lain berkenaan Takaful yang berhubung dengan atau yang berkaitan dengan mana-mana bangunan atau mana-mana harta yang terkandung di dalam mana-mana bangunan,

hendaklah terhenti dengan serta merta apabila runtuh atau berubahnya tempat:

(i) bangunan tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya,
(ii) keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada mana-mana deretan bangunan atau mana-mana struktur yang membentuk bangunan tersebut,

DENGAN SYARAT bahawa runtuhnya atau berubahnya tempat ini merupakan keseluruhan atau merupakan sebahagian besar atau bahagian penting bangunan tersebut atau mengurangkan kebergunaan bangunan tersebut atau mana-mana bahagiannya atau membiarkan bangunan tersebut atau mana-mana bahagian daripada bangunan tersebut atau mana-mana harta yang terkandung di dalamnya terdedah kepada risiko kebakaran yang meningkat atau yang selainnya adalah material.
DAN DENGAN SYARAT bahawa runtuhnya atau berubahnya tempat tersebut bukan disebabkan oleh kebakaran, kerugian atau kerosakan yang mana dilindungi oleh Sijil ini atau akan dilindungi jika bangunan tersebut, deretan bangunan atau strukturnya dilindungi di bawah Sijil ini.

Dalam sebarang tindakan, guaman atau prosiding lain, beban membuktikan bahawa sebarang keruntuhan atau perubahan tempat adalah disebabkan oleh kebakaran seperti yang tersebut terdahulu hendaklah terletak ke atas Peserta.

14. **FASAL BIDANG KUASA**

Tanggungan kerugian yang dinyatakan di dalam Sijil ini tidak boleh terpakai untuk atau termasuk:

(a) Pampasan bagi kerosakan berkenaan dengan penghakiman bukan dalam contoh pertama yang dihantar atau didapati daripada Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten di dalam Malaysia,
(b) Kos dan perbelanjaan tindakan undang-undang yang dituntut oleh Peserta yang tidak ditanggung dan boleh diperolehi semula di Malaysia.

15. **FASAL MARIN**

Takaful ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan pada harta yang, pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan sedemikian, dilindungi oleh atau Sijil Marin akan, jika tidak kerana kewujudan Sijil ini, dilindungi oleh mana-mana Sijil atau Sijil-Sijil Marin melainkan yang berhubung dengan sebarang lebihan yang melebihi amaun yang seharusnya dibayar di bawah Sijil atau Sijil-Sijil Marin sekiranya Takaful ini tidak dikuatkuasakan.

16. **NILAI PASARAN (Terpakai untuk semua Seksyen kecuali Seksyen 1.2, 2.3, 2.6, 2.7, 3.1 dan 3.2)**

Jika berlaku suatu kerugian ke atas harta Peserta (selain daripada stok dan butiran bangunan) dengan ini, pihak Pengendali Takaful hendaklah membayar pada nilai Peserta atau pada nilai pasaran bagi harta Peserta, yang mana lebih rendah, tertakluk kepada potongan ke atas apa-apa lebihan dan amaun yang mana Peserta dikehendaki menanggung di bawah sijil ini. Untuk tujuan syarat ini, terma nilai pasaran hendaklah bermaksud nilai harta yang dengan ini dilindungi pada masa kerosakan atau kerugian tolak pertimbangan wajar kerana haus dan lusuh dan/atau susutnilai.

Nilai Pasaran harta Peserta bagi tujuan syarat ini hendaklah ditentukan dengan mendapatkan suatu penilaian oleh Pengendali Takaful daripada pembuat, ejen tunggal sah atau ejen, ejen broker sah, pengedar sah atau kontraktor bangunan bagi kos untuk menggantikan atau mengembalikan/memulihkan semula, tertakluk kepada aplikasi susutnilai yang wajar, ke atas harta Peserta yang rosak atau hilang kepada keadaan sediakala/asal pada masa berlakunya kerosakan atau kehilangan sedemikian.

Jika berlaku keadaan di mana, pada masa kerosakan atau kerugian tiada pembuat, ejen tunggal sah atau ejen, ejen broker sah, pengedar sah atau kontraktor bangunan bagi harta Peserta, penilaian hendaklah diperolehi daripada Penyelaras Kerugian yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Estet 1981 dan yang dilantik secara bersama oleh kedua belah pihak. Penilaian bagi harta Peserta oleh pembuat, ejen sah atau ejen, ejen broker sah, pengedar sah, kontraktor bangunan, Penyelaras Kerugian didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Estet 1981 hendaklah dijadikan bukti muktamad di dalam hal nilai pasaran bagi harta Peserta dalam mana-mana prosiding guaman terhadap Pengendali Takaful tersebut.

17. **MAKNA**

Sijil ini dan Jadual di dalam ini hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau penyataan yang makna khususnya telah dinyatakan di mana-mana bahagian Sijil ini atau Jadualnya hendaklah membawa makna sedemikian apabila ia tercatat.

18. **NOTIS KEPADA PENGENDALI TAKAFUL**

Setiap notis dan lain-lain komunikasi kepada Pengendali Takaful yang dikehendaki oleh Syarat ini mestilah secara bertulis atau bercetak.

19. **NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (PDPA)**

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (selepas ini disebut sebagai “Akta”), yang mengawal pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial, terpakai untuk Zurich General Takaful Malaysia Berhad (selepas ini disebut sebagai “Pengendali Takaful”). Anda boleh membuat pertanyaan, aduan, permintaan untuk mengakses, mengemaskini, membetulkan atau mengubah apa-apa data peribadi anda, menghadkan pemprosesan data peribadi anda dan/atau memilih untuk keluar daripada kegunaan Pengendali Takaful pada bila-bila masa selepas itu dengan mengemukakan permintaan tersebut kepada kami dengan menghantar e-mel kepada callcentre@zurich.com.my. Permintaan untuk keluar harus disertakan dengan nama penuh, nombor dokumen identiti, nombor sijil, nombor telefon dan alamat orang yang membuat permintaan tersebut.

Pemprosesan data peribadi anda adalah tertakluk kepada Notis Perlindungan Data Peribadi Zurich General Takaful Malaysia Berhad, seperti yang diterbitkan di dalam laman web Korporat www.zurich.com.my.

**20. PILIHAN PENYELESAIAN**

Pengendali Takaful boleh atas pilihannya memulihkan semula atau menggantikan harta yang rosak atau musnah, atau mana-mana bahagiannya, sebagai pilihan daripada membayar amaun kerugian atau kerosakan itu, atau boleh bergabung dengan mana-mana Pengendali Takaful atau Penanggung Takaful yang lain untuk berbuat demikian; tetapi Pengendali Takaful tidak terikat untuk memulihkan semula secara tepat atau sepenuhnya, tetapi hanya setakat keadaan mengizinkan dan cara yang memadai, dan dalam apa jua keadaan Pengendali Takaful tidak terikat untuk membelanja lebih dalam pengembalian semula berbanding dengan kos memulihkan semula harta tersebut sebagaimana keadaan asalnya pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan, mahupun yang melebihi daripada jumlah dilindungi oleh Pengendali Takaful.

Jika Pengendali Takaful memilih untuk membaik pulih atau mengganti mana-mana harta Peserta hendaklah, atas pembiayaan sendiri, menyediakan kepada Pengendali Takaful dengan pelan, spesifikasi, ukuran, kuantiti dan butir-butir lain yang berkenaan sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengendali Takaful, dan tidak ada suatu tindakan yang dilakukan, atau yang menyebabkan ianya dilakukan oleh Pengendali Takaful dengan tujuan untuk membaik pulih atau penggantian hendaklah dianggap suatu pilihan oleh Pengendali Takaful untuk membaik pulih atau menggantikan.

Jika sekiranya Pengendali Takaful tidak dapat membaik pulih atau membaiki harta yang dengan ini dilindungi, oleh sebab peraturan mana-mana perbandaran atau peraturan lain yang berkuatkuasa yang menjejaskan penjajaran jalan, atau pembinaan bangunan, atau selainnya, Pengendali Takaful hendaklah, dalam setiap hal sedemikian, hanya bertanggungjawab untuk membayar jumlah berkenaan yang diperlukan bagi membaik pulih atau membaiki harta sedemikian sekiranya ia boleh secara sah dibaik pulih kepada keadaannya yang dahulu.

**21. LAIN-LAIN TAKAFUL**

Peserta hendaklah memberi notis kepada Pengendali Takaful mengenai apa-apa Takaful yang telah berkuatkuasa, atau yang mungkin kemudiannya dikuatkuasakan, yang melindungi mana-mana harta yang dengan ini dilindungi. Notis sedemikian hendaklah diberikan dan disahkan oleh Pengendali Takaful di dalam sijil ini sebelum berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan.

**22. PENCEMARAN**

Takaful ini tidak melindungi sebarang liabiliti terhadap: Kerugian atau kemusnahan atau kerosakan yang disebabkan oleh pencemaran (kecuali dilindungi) melainkan kemusnahan atau kerosakan kepada harta Peserta yang disebabkan oleh:

(a) Pencemaran yang dengan sendirinya disebabkan oleh suatu kontingensi yang dengan ini dilindungi.
(b) Sebarang kontingensi yang dengan ini dilindungi yang dengan sendirinya disebabkan oleh pencemaran.

**23. CARUMAN**

Tidak ada caruman berhubung dengan apa-apa caruman boleh dianggap sebagai caruman kepada pihak Pengendali Takaful kecuali resit dalam bentuk bercetak yang ditandatangani oleh seorang pegawai atau ejen yang dilantik secara sah oleh pihak Pengendali Takaful telah diberikan kepada Peserta.

**24. JAMINAN CARUMAN**

Ia adalah syarat asas dan mutlak bagi kontrak Sijil ini bahawa caruman yang perlu dibuat dan diterima oleh Pengendali Takaful dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Sijil/Pengendorsan/Pembaharuan Sijil ini.

Jika syarat ini tidak dipatuhi, secara automatik kontrak ini akan terbatal dan Pengendali Takaful berhak ke atas caruman pro rata pada tempoh di mana mereka telah menghadapi risiko.
Jika caruman yang harus dibuat menurut jaminan ini diterima oleh ejen yang diberi kuasa oleh Pengendali Takaful, caruman tersebut akan dianggap diterima oleh Pengendali Takaful untuk tujuan jaminan ini dan kewajipan membuktikan bahawa caruman yang perlu dibuat telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen Takaful, yang tidak diberi kuasa untuk menerima caruman tersebut haruslah ditanggung oleh Pengendali Takaful.

Tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.

**25. FASAL PENJELASAN KEROSAKAN HARTA BENDA (Terpakai untuk semua Seksyen kecuali Seksyen 1.2, 2.3, 2.6, 2.7, 3.1 dan 3.2)**

Kerosakan harta benda Peserta di bawah Sijil ini hendaklah bermaksud kerosakan fizikal kepada harta benda. Kerosakan fizikal terhadap harta benda tidak termasuk kerosakan data atau perisian, khususnya apa-apa perubahan kerosakan dalam data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh penghapusan, kerosakan atau pengubahan bentuk struktur asal.

Oleh itu yang berikut adalah dikecualikan daripada Sijil ini:

(a) Kehilangan atau kerosakan kepada data dan perisian, tetapi tidak terhad kepada mana-mana perubahan kerosakan pada data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh penghapusan, kerosakan atau pengubahan bentuk struktur asal, dan apa-apa kerugian gangguan perniagaan kesan daripada kehilangan atau kerosakan tersebut. Walau apa pun pengecualian ini, kehilangan atau kerosakan kepada data atau perisian, yang mana adalah akibat langsung daripada kerosakan fizikal Peserta kepada harta benda fizikal, haruslah dilindungi.
(b) Kehilangan atau kerosakan akibat daripada kerosakan dalam fungsi, ketersediaan, penggunaan atau kebolehaksesan data, perisian atau program komputer dan apa-apa kerugian gangguan perniagaan akibat kehilangan atau kerosakan tersebut.

**26. FASAL PENGECUALIAN RISIKO RADIOAKTIF/TENAGA NUKLEAR**

Takaful ini tidak melindungi kerugian, kos kerosakan atau perbelanjaan secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh, kesan daripada atau berhubung dengan apa-apa yang berikut tidak kira atau apa-apa sebab lain atau acara yang menyumbang pada masa sama atau dalam apa-apa turutan lain kepada kerugian tersebut:

(a) pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear dari pembakaran bahan api nuklear,

(b) radioaktif, toksik, letupan atau harta berbahaya atau tercemar daripada pemasangan apa-apa nuklear, reaktor atau himpunan nuklear atau komponen nuklear lain,
(c) apa-apa senjata perang yang menggunakan pembelahan atom atau nuklear dan/atau gabungan atau reaksi seperti yang lain atau daya radioaktif.

**27. PENGEMBALIAN SEMULA JUMLAH DILINDUNGI**

Sekiranya berlaku kerugian, takaful di bawah ini hendaklah dikekalkan berkuatkuasa pada jumlah penuh Peserta dan Peserta hendaklah bertanggungjawab untuk membuat caruman tambahan pada kadar yang dinyatakan pada sijil ke atas amaun kerugian berasaskan kiraan pro rata dari tarikh kerugian tersebut sehingga tamatnya tempoh takaful semasa.

**28. FASAL SEKATAN**

Tidak tertakluk mana-mana terma lain di bawah perjanjian (Sijil) ini, tiada Pengendali Takaful dianggap telah memberi perlindungan atau akan membuat apa-apa bayaran atau memberi apa-apa perkhidmatan atau faedah kepada mana-mana Peserta atau pihak lain sehingga perlindungan, pembayaran, perkhidmatan, faedah dan/atau sebarang perniagaan atau aktiviti Peserta akan melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkenaan.

**29. SUBROGASI**

Peserta hendaklah, di atas pembiayaan Pengendali Takaful, melakukan, dan bersetuju untuk melakukan, dan membenarkan supaya dilakukan, segala tindakan dan perkara berkenaan sebagaimana yang mungkin perlu atau secara yang berpatutan diperlukan oleh Pengendali Takaful bagi tujuan menguatkuasakan sebarang hak dan pembetulan, atau mendapatkan pelepasan atau tanggungan kerugian daripada lain-lain pihak di mana Pengendali Takaful hendaklah atau akan berhak atau mengambil alih hak, apabila ia membayar bagi atau membuat bayaran apa-apa kerugian atau kerosakan di bawah Sijil ini, sama ada tindakan dan perkara sedemikian adalah atau menjadi perlu atau dikehendaki sebelum atau selepas penanggungan kerugian kepadanya oleh Pengendali Takaful.

**30. HAD MASA**

Dalam apa jua hal Pengendali Takaful tidak akan bertanggung jawab bagi apa-apa kerugian atau kerosakan selepas tamatnya dua belas (12) bulan dari berlakunya kerugian atau kerosakan kecuali tuntutan tersebut adalah merupakan suatu tindakan atau penimbangtaraan yang belum selesai.

**31. KAEDAH PENGGUNAAN JUMLAH CARUMAN KECIL**

Bagi sebarang jumlah yang kena bayar dan perlu dibayar kepada Peserta yang kurang daripada Jumlah Caruman Kecil, Pengendali Takaful akan mendermakan wang tersebut kepada kebajikan seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah. Bagaimanapun, jika Peserta membuat keputusan sebaliknya, Peserta perlu mengemukakan permintaan rasmi kepada Pengendali Takaful. Nilai Jumlah Caruman Kecil perlu mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Syariah.

**32. NOTIS TAKAFUL LAIN**

Anda harus memaklumkan kepada Kami tentang sebarang takaful lain yang Anda telah melanggan pada masa takaful ini, dan juga dalam tempoh takaful ini, yang meliputi sebarang harta yang sama yang dilindungi di bawah Sijil ini.

## SEKSYEN 1.1 – KEBAKARAN

Sebagai balasan caruman Takaful oleh Peserta kepada Pengendali Takaful, PENGENDALI TAKAFUL BERSETUJU, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini atau diendorskan atau dinyatakan di sini, bahawa jika Harta Peserta yang dinyatakan di dalam Jadual atau mana-mana bahagian harta tersebut dimusnahkan atau rosak oleh api atau kilat semasa Tempoh Takaful yang dinyatakan di dalam Jadual, Pengendali Takaful akan membayar atau memberi kepada Peserta nilai sebenar Harta Peserta pada masa berlaku kemusnahannya atau jumlah sebenar kerosakan sedemikian.

DENGAN SYARAT liabiliti Pengendali Takaful tidak akan melebihi apa-apa perkara Peserta atau Jumlah Peserta dalam Jadual atau apa-apa jumlah lain yang boleh digantikan dengan pengesahan yang dilampirkan di sini.

### PENGECUALIAN KHAS

1. Takaful ini tidak melindungi:
   (a) Kerugian oleh sebab kecurian semasa atau selepas berlakunya sesuatu kebakaran.
   (b) Kerugian atau kerosakan kepada harta yang disebabkan oleh penapaian, pemanasan semula jadi atau pembakaran spontan [kecuali seperti yang diperuntukkan selaras dengan Syarat 2(f)] atau oleh sebab ia melalui sebarang proses pemanasan atau pengeringan.
   (c) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau yang disebabkan menerusi atau akibat :
      (i) Pembakaran harta dengan perintah mana-mana pihak berkuasa awam,
      (ii) Kebakaran bawah tanah.

2. Kecuali dinyatakan dengan jelas di dalam Sijil ini, Takaful ini tidak melindungi:
   (a) Barangan yang dipegang sebagai amanah atau atas komisen,
   (b) Bullion atau batu permata belum berikat,
   (c) Apa-apa barangan yang ganjil atau hasil kerja seni bagi amaun yang melebihi RM500
   (d) Manuskrip, pelan, lukisan, atau reka bentuk, corak, model atau acuan,
   (e) Sekuriti, obligasi, atau dokumen apa pun bentuknya, setem, duit syiling atau wang kertas, cek, buku akaun atau buku perniagaan yang lain, atau rekod sistem komputer,
   (f) Arang batu, terhadap kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh pembakaran spontannya,
   (g) Bahan letupan,
   (h) Apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat letupan; tetapi kerugian atau kerosakan oleh sebab letupan dandang domestik dan gas yang digunakan untuk tujuan menerangi atau domestik dalam sesebuah bangunan yang mana gas tidak dijana dan tidak membentuk sebahagian daripada sebarang kerja melibatkan gas, akan dianggap sebagai kerugian yang disebabkan oleh kebakaran sebagaimana yang dimaksudkan dalam Sijil ini,
   (i) Apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat pembakaran, sama ada tidak sengaja atau sebaliknya, ke atas hutan, belukar, lalang, prairi, pampas atau rimba, dan pembersihan tanah dengan membakar.

Dalam apa-apa tindakan, guaman atau prosiding lain di mana Pengendali Takaful mendakwa bahawa oleh sebab peruntukan keadaan ini apa-apa kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh Takaful ini, beban membuktikan bahawa kerugian atau kerosakan sedemikian dilindungi adalah atas Peserta.

### LANJUTAN KHAS

1. Perlindungan Takaful di bawah Sijil ini diperluaskan untuk memasukkan:-
   (a) Upah pekerja Peserta selain daripada anggota Pasukan Bomba sepenuh masa.
   (b) Kos penggantian alat pemadam api dan kemusnahan atau kerosakan bahan-bahan (termasuklah pakaian pekerja dan barang kegunaan sendiri) kecuali selainnya dilindungi secara khusus.
   (c) Bayaran Pasukan Bomba.

Dengan syarat bahawa liabiliti Pengendali Takaful berhubung dengan upah, kos dan bayaran sedemikian hendaklah dihadkan kepada yang perlu dan patut ditanggung dalam memadamkan kebakaran di tempat atau yang bersebelahan dengan tempat terletaknya harta Peserta oleh sijil ini atau yang secara nyata mengancam untuk membabitkan harta sedemikian.

## SEKSYEN 1.2 – KERUGIAN AKIBAT KEBAKARAN

PENGENDALI TAKAFUL BERSETUJU (tertakluk kepada Syarat-syarat yang terkandung di sini atau diendorskan atau selainnya dinyatakan di atasnya) bahawa jika mana-mana bangunan atau harta lain atau mana-mana bahagiannya yang digunakan oleh Peserta di Premis untuk tujuan Perniagaan itu dimusnahkan atau dirosakkan oleh:-

1. Kebakaran,

2. Kilat,

3. Letupan, di dalam bangunan yang mana gas tidak dijana dan tidak membentuk sebahagian daripada sebarang pabrik gas, gas yang digunakan di dalamnya untuk tujuan menerangi atau domestik.

(kemusnahan atau kerosakan yang disebabkan menjadi yang selepas ini disebut Kerosakan) pada bila-bila masa dalam Tempoh Takaful atau apa-apa tempoh selanjutnya yang berkenaan dengannya Pengendali Takaful bersetuju untuk menerima caruman yang dikehendaki bagi pembaharuan Sijil ini dan Perniagaan yang dijalankan oleh Peserta di premis menjadi berbangkit daripadanya terganggu atau diganggu.

Maka Pengendali Takaful akan membayar kepada Peserta bagi setiap item dalam Jadual bersama ini jumlah kerugian akibat daripada gangguan atau gangguan itu mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalamnya.

Dengan syarat bahawa pada masa berlakunya kerosakan itu hendaklah ada berkuat kuasa suatu takaful yang meliputi kepentingan Peserta dalam harta itu di premis terhadap Kerosakan tersebut dan pembayaran itu hendaklah telah dibuat atau liabiliti diakui baginya di bawah Takaful tersebut.

Dan bahawa liabiliti Pengendali Takaful hendaklah dalam apa hal tidak melebihi berkenaan dengan setiap butiran jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual tersebut yang hendak dilindungi ke atasnya atau keseluruhan jumlah Peserta dengan ini atau apa-apa jumlah wang lain yang mungkin selepas ini diganti dengannya melalui memorandum yang ditandatangani oleh atau bagi pihak Pengendali Takaful.

### PENGECUALIAN KHAS

**1. ANJAKAN**

Sebaik sahaja sebarang keruntuhan atau anjakan
- (a) apa-apa Kerosakan bangunan yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Sijil ini;
- (b) mana-mana bahagian bangunan itu;
- (c) keseluruhan atau mana-mana bahagian mana-mana deretan bangunan atau mana-mana struktur yang darinya bangunan itu menjadi sebahagian.

Perlindungan Takaful di bawah Sijil ini hendaklah terhenti berhubung dengan kerugian yang disebabkan oleh kerosakan kepada bangunan atau harta itu di dalamnya.

DENGAN SYARAT:
- (i) Keruntuhan atau perubahan itu adalah mengenai keseluruhan atau sebahagian besar atau penting bangunan itu atau merosakkan kegunaan bangunan tersebut atau mana-mana bahagiannya atau meninggalkan bangunan tersebut atau mana-mana bahagiannya atau apa-apa harta yang terkandung di dalamnya tertakluk kepada peningkatan risiko Kerosakan atau selainnya material;
- (ii) Keruntuhan atau perubahan itu tidak disebabkan oleh kerosakan, kerugian akibat yang dilindungi oleh Sijil ini atau akan dilindungi jika bangunan atau deretan bangunan atau struktur itu telah dimasukkan ke dalam Premis mana Sijil ini merujuk.

Jika apa-apa tuntutan dibuat ke atas Sijil ini akibat daripada kerosakan sama ada berlaku sebelum, semasa atau selepas keruntuhan atau Peserta hendaklah mengemukakan bukti sebagaimana yang semunasabahnya dikehendaki bahawa kerugian tidak, sama ada dalam asal atau dalam apa-apa takat, secara langsung atau tidak langsung , dekat atau jauh; yang disebabkan oleh atau disumbangkan oleh mana-mana keruntuhan atau perubahan itu dan tidak menyatakan sama ada asal atau takat, secara langsung atau tidak langsung, dekat atau jauh, timbul pada atau berkaitan dengan sebarang keruntuhan atau anjakan.

**2. KERUGIAN GANGGUAN DIKECUALIKAN**

Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab setakat yang kerugian gangguan tersebut dipertingkatkan:
- (a) dengan peristiwa luar biasa yang berlaku semasa gangguan tersebut ,
- (b) dengan sekatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa terhadap pembinaan semula atau operasi perniagaan,
- (c) kerana kekurangan modal Peserta yang mencukupi untuk pemulihan atau penggantian harta yang musnah, rosak atau hilang.

**3. PERLINDUNGAN YANG DIKECUALIKAN**

Takaful ini tidak melindungi:
Kerugian yang disebabkan oleh atau berlaku kerana atau akibat daripada:
- (a) Pembakaran harta dengan perintah pihak Pihak Berkuasa,
- (b) Kebakaran bawah tanah,
- (c) Letupan kecuali seperti yang dinyatakan di dalam Sijil,
- (d) pembakaran ini, sama ada sengaja atau sebaliknya, hutan, belukar lalang prairie, pampas atau rimba dan pembersihan tanah dengan api,
- (e) Kerosakan kepada harta yang disebabkan oleh penapaian, kepanasan semula jadi atau pembakaran spontan atau oleh sebarang proses pemanasan atau pengeringan.

## SYARAT-SYARAT KHAS

**1. PERUBAHAN DALAM RISIKO**

Takaful mengikut Sijil ini hendaklah terhenti jika:

(a) Perniagaan gulung tikar atau diteruskan oleh Penyelesai atau Penerima atau kekal tidak diteruskan
atau

(b) Kepentingan Peserta dihentikan, jika tidak oleh kematian
atau

(c) apa-apa perubahan dibuat sama ada dalam perniagaan atau di dalam premis atau harta di dalamnya di mana risiko kerosakan bertambah, pada bila-bila selepas permulaan kuat kuasa Takaful ini, melainkan jika berterusan yang diterima oleh memorandum yang ditandatangani oleh atau bagi pihak Pengendali Takaful.

**2. PENINGKATAN RISIKO**

Notis hendaklah diberi kepada Pengendali Takaful dan, jika perlu, caruman tambahan dibuat, jika kadar caruman yang kena dibuat berkenaan dengan Takaful yang meliputi kepentingan Peserta dalam hartanah di Premis terhadap Kerosakan ia akan dinaikkan.

**3. PROSEDUR TUNTUTAN**

Apabila berlaku sebarang Kerosakan yang berbangkit daripada mana tuntutan adalah atau boleh dibuat di bawah Sijil ini, Peserta hendaklah segera memberi notis kepada Pengendali Takaful dan hendaklah dengan usaha yang wajar dilakukan dan bersetuju untuk melakukan dan membenarkan supaya melakukan semua benda yang boleh semunasabahnya boleh dipraktikkan untuk mengurangkan atau menyemak sebarang gangguan atau gangguan perniagaan atau untuk mengelakkan atau mengurangkan kehilangan dan sekiranya tuntutan dibuat di bawah Sijil ini hendaklah, tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas tamat Tempoh Tanggungan Kerugian atau dalam masa yang lebih lanjut yang dibenarkan oleh Pengendali Takaful secara bertulis membenarkan, atas perbelanjaannya sendiri menyerahkan kepada Pengendali Takaful secara bertulis kenyataan yang menyatakan butir-butir tuntutannya, bersama-sama dengan butir-butir semua Takaful yang lain (jika ada) yang meliputi Kerosakan atau mana-mana bahagiannya atau kerugian atau apa-apa jenis yang berbangkit daripadanya. Peserta hendaklah di atas perbelanjaannya sendiri, mendapatkan dan memberikan kepada Pengendali Takaful apa-apa buku akaun dan buku perniagaan yang lain, baucar, invois, kunci kira-kira dan dokumen lain, bukti-bukti, maklumat, penerangan dan bukti lain yang semunasabahnya dikehendaki oleh atau bagi pihak Pengendali Takaful bagi maksud menyiasat atau mengesahkan tuntutan bersama-sama satu akuan bersumpah atau dalam bentuk undang-undang lain tentang kebenaran tuntutan itu dan apa-apa perkara yang berkaitan dengannya. Tiada tuntutan di bawah Sijil ini akan dibayar kecuali syarat-syarat keadaan ini telah dipatuhi dan sekiranya berlaku ketidakpatuhan dengannya dalam apa-apa hal, apa-apa bayaran dalam akaun tuntutan itu telah dibuat hendaklah dibayar balik kepada Pengendali Takaful dengan serta-merta.

## SEKSYEN 1.3 – PERALATAN RISIKO MENYELURUH

KINI BAHAGIAN INI MENYAKSIKAN bahawa jika pada bila-bila masa dalam Tempoh Takaful yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil bersama ini atau semasa apa-apa tempoh lanjut yang mana Pengendali Takaful boleh menerima caruman untuk pembaharuan atau pelanjutan Sijil ini, Harta Benda atau mana-mana bahagian daripadanya hilang atau rosak akibat oleh mana-mana Kejadian Luar Jangka semasa dalam Situasi maka Pengendali Takaful akan melalui bayaran atau atas pilihannya melalui pemulihan semula atau pembaikan menanggung kerugian Peserta terhadap kehilangan atau kerosakan sedemikian.

### PENGECUALIAN KHAS

Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab pada:-

1. Jumlah pertama bagi setiap kerugian atau kerosakan yang dinyatakan dalam Jadual sebagai Lebihan.

2. Kecurian melainkan disertai oleh keganasan atau ancaman kepada orang atau kemasukan secara paksa dan kekerasan ke atau keluar dari premis itu.

3. Kerugian atau kerosakan kepada (untuk peralatan mudah alih):
   (a) Aksesori dan / atau alat ganti melainkan peralatan tersebut yang dicuri atau rosak pada masa yang sama,
   (b) Tayar atau roda atau trek melainkan jika kelengkapan itu juga rosak pada masa yang sama,
   (c) Kanopi melainkan disebabkan oleh atau akibat daripada terbalik peralatan.

4. Kerugian atau kerosakan yang dialami (untuk peralatan mudah alih):
   (a) Di luar Had Wilayah yang dinyatakan di dalam Jadual,
   (b) Jika peralatan yang dilesenkan untuk kegunaan jalan raya dan yang mana sijil Takaful Motor diperlukan,
   (c) Semasa dalam transit (termasuk semasa punggah-memunggah),
   (d) Semasa Peralatan yang digunakan:
      (i) untuk demonstrasi percubaan perlumbaan berkadar atau ujian kelajuan,
      (ii) bagi membawa penumpang,
      (iii) semasa menarik treler atau menunda mana-mana kenderaan kecuali kenderaan yang di tunda bukan di tunda untuk ganjaran,
      (iv) tidak berkaitan dengan perniagaan Peserta.
   (e) Manakala Peralatan dikendalikan oleh sesiapa sahaja yang berada di bawah pengaruh minuman keras atau yang memabukkan atau dadah.
   (f) Manakala Peralatan dikendalikan oleh pemandu / pengendali yang tidak dibenarkan atau oleh sesiapa yang bukan Peserta atau bukan diambil kerja oleh Peserta dan memandu / beroperasi tanpa perintah atau tanpa izinnya.
   (g) Manakala Peralatan dikendalikan di mana-mana kapal di perairan.

5. Apa-apa kerugian turutan atau liabiliti undang-undang sekalipun.

6. Kerugian atau kerosakan kepada rekod filem atau pita selain daripada disebabkan kebakaran atau kecurian (dan kemudian hanya untuk nilai sebagai bahan yang tidak digunakan).

7. (a) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa kecacatan pendam atau mekanikal, kekacauan mekanikal, kegagalan mekanikal atau elektrik, kerosakan, susut nilai, keadaan atmosfera atau apa-apa operasi lain sebab secara beransur-ansur,
   (b) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kerosakan mekanikal atau elektrik atau kehausan dan kelusuhan,
   (c) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh muatan yang berlebihan atau terlalu berat,
   (d) Kerugian atau kerosakan akibat karat, cendawan, rama-rama, kutu atau berkaitan dengan mana-mana proses pembersihan, pencelupan, pembaikan, pemulihan, pengubahsuaian atau pemisahan.

8. Kerugian atau kerosakan akibat dari kemusnahan perampasan tahanan atau pengambilan oleh Rumah Kastam atau Pegawai lain atau Pihak Berkuasa atau penyitaan atau penjualan di bawah apa-apa proses undang-undang atau peninggalan Harta.

### SYARAT-SYARAT KHAS

1. Pengendali Takaful boleh pada bila-bila masa menggunakan perbelanjaan sendiri dalam semua urusan undang-undang di atas nama Peserta untuk mendapatkan apa-apa Harta hilang dan Peserta hendaklah memberikan segala bantuan yang munasabah bagi tujuan itu. Pengendali Takaful akan layak untuk sebarang Hartanah untuk kehilangan yang tuntutan dibayar di bawah ini dan Peserta hendaklah melaksanakan semua tugasan dan jaminan harta itu sebagaimana yang semunasabahnya dikehendaki Peserta tidak berhak meninggalkan mana-mana harta kepada Pengendali Takaful.

2. Jika tuntutan dibuat atau bagi pihak Peserta yang mana hendaklah diadakan berkenaan tidak berasas atau penipuan atau sengaja dibesar-besarkan apa-apa perisytiharan palsu dibuat untuk menyokongnya atau jika apa-apa kerugian atau kerosakan itu disebabkan oleh atau melalui tindakan secara sengaja atau dengan pengetahuan atau bekerjasama secara diam-diam Peserta atau mana-mana orang yang bertindak bagi Peserta atau perbuatan tidak jujur mana-mana orang yang Peralatan diamanahkan kepadanya, tiada tuntutan kena dibayar di bawah Sijil ini.

## SEKSYEN 2.1 – PECAH MASUK

KINI BAHAGIAN INI MENYAKSIKAN bahawa jika pada bila-bila masa dalam Tempoh Takaful yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil bersama ini atau semasa apa-apa tempoh lanjut yang mana Pengendali Takaful boleh menerima caruman untuk pembaharuan atau pelanjutan Sijil ini:

1. Harta Dilindungi atau mana-mana bahagiannya yang dinyatakan dan dimasukkan di dalam Jadual Sijil bersama ini semasa berada dalam premis yang diterangkan di dalam Jadual Sijil tersebut hendaklah hilang:

   (a) Dengan Kecurian yang diakibatkan pemecahan menggunakan kekerasan dan keganasan ke dalam atau keluar daripada Premis dikatakan oleh mana-mana orang atau orang-orang (selain daripada pekerja), atau
   (b) Hasil daripada rompakan bersenjata atau rompakan dengan keganasan.

2. Maka sekiranya timbul apa-apa kerosakan kepada Harta tersebut Dilindungi atau Premis, yang akan ditanggung oleh Peserta, kerana apa-apa kecurian tersebut di atas atau sebarang percubaan.

Pengendali Takaful akan membayar atau memenuhi bayaran kepada Peserta:

1. Kerugian setakat nilai pasaran pada masa berlakunya kerugian (tidak termasuk keuntungan dalam apa jua bentuk) dan/atau

2. Kos bersih membaiki kerosakan tersebut tetapi tidak melebihi berkenaan dengan mana-mana perkara yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil Jumlah Dilindungi ke atasnya atau berkenaan dengan kerosakan kepada Premis lima peratus (5%) daripada Keseluruhan Jumlah Dilindungi tidak juga di keseluruhan dalam mana-mana satu Tempoh Takaful seperti Jumlah jumlah Dilindungi.

3. Peserta atas asas Rugi Pertama sehingga Jumlah Dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.

4. Rugi Pertama tidak tertakluk kepada Syarat Purata.

### PENGECUALIAN KHAS

Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab terhadap:

1. Kekurangan akibat kehilangan inventori yg tidak dapat diketahui dan/atau kecuali di mana kemungkinan kecurian seperti yang disebut terdahulu wujud.

2. Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh mana-mana kecurian tersebut di atas atau sebarang percubaan oleh atau bersubahat dengan mana-mana keluarga, kakitangan perniagaan atau pembantu rumah Peserta, atau mana-mana orang yang dengan sah di Premis itu.

3. Kerosakan pada kaca atau apa-apa hiasan atau huruf mengenainya.

4. Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran atau letupan.

5. Kehilangan atau kerosakan kepada pingat, syiling, barangan ganjil, ukiran, manuskrip, buku nadir, pelan, corak, model, acuan, reka bentuk, surat ikatan, bon, bil pertukaran, nota janji hutang, wang, sekuriti untuk wang, setem, dokumen tajuk atau perniagaan melainkan jika buku khas yang termasuk dalam Jadual Sijil.

6. Kehilangan atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan berlakunya atau akibat daripada susut nilai, permintaan atau penjualan wajib (sama ada di bawah undang-undang atau sebaliknya) atau penyitaan oleh mana-mana Pihak Berkuasa.

7. Kerugian atau kerosakan yang timbul manakala Premis itu tidak diduduki untuk tempoh melebihi 30 hari berturut-turut atau diduduki melainkan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil melainkan jika keizinan bertulis daripada Pengendali Takaful terlebih dahulu telah diperolehi dan caruman tambahan yang diperlukan oleh Pengendali Takaful mempunyai telah dibuat.

### SYARAT-SYARAT KHAS

1. Kerugian Pertama (Tanpa Purata)
   Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa walau apa pun yang terkandung di dalamnya yang bertentangan, Bahagian ini dikeluarkan pada takaful kekalahan pertama ke atas harta yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil Bahagian ini.

2. Pengendali Takaful boleh membaik pulih, membaiki atau menggantikan harta atau premis yang hilang atau rosak mengikut mana-mana yang berkenaan sebagai pilihan daripada membayar amaun kerugian atau kerosakan, dan boleh menyertai dengan mana-mana Pengendali Takaful Takaful lain dengan berbuat demikian dalam kes-kes di mana harta ini juga dilindungi di tempat lain. Apabila dibayar apa-apa tuntutan kerugian di bawah Seksyen ini harta yang berkenaan yang mana bayaran itu dibuat adalah hak milik kepada Pengendali Takaful.

3. Semua kunci dan selak yang dipasang pada premis perlu melibatkan selepas waktu perniagaan.

## LANJUTAN KHAS

Seksyen ini diperluaskan untuk merangkumi kerosakan atau kerugian:

**1. Kerosakan kepada Peti Keselamatan**

Kerosakan kepada peti keselamatan, bilik kebal, laci, kabinet, mesin wang tunai dan kotak wang runcit yang disebabkan oleh pecah masuk atau melanggar, yang sebenar dan percubaan mencuri / pecah masuk premis tersebut tetapi hanya terhad kepada RM2,000/- bagi mana-mana satu kejadian.

Dengan syarat bahawa keseluruhan bayaran yang perlu dibayar di bawah Lanjutan ini adalah terhad kepada RM2,000 secara keseluruhan bersama dengan Seksyen 2.2 – Wang, mana-mana satu acara.

**2. Rompakan Bersenjata/Tahanan**

Risiko Rompakan Bersenjata/Tahanan di dalam premis dijelaskan di sini.

